

STPM Kertas 1 2014:

Soalan 3 Jawapan yang dicadangkan

(a) Amaun liabiliti yang perlu ditanggung:

Bil	Jenis liabiliti	Amaun (RM)	Pendedahan
1	Nota belum bayar 12%	180,000	Liabiliti bukan semasa
	Nota belum bayar 12%	60,000	Liabiliti semasa
	Faedah belum bayar	2,400	Liabiliti semasa
2	Akaun belum bayar	35,000	Liabiliti semasa
3	Hasil belum terperoleh	2,700	Liabiliti semasa
4	Gaji belum bayar	12,300	Liabiliti semasa
	Utiliti belum bayar	2,600	Liabiliti semasa
5	Peruntukan ganti rugi	280,000	Liabiliti semasa
6	Tiada		

(b) Jumlah liabiliti semasa dan liabiliti bukan semasa:

	RM	RM
Liabiliti semasa:		
Nota belum bayar 12%	60,000	
Faedah belum bayar	2,400	
Akaun belum bayar	35,000	
Hasil belum terperoleh	2,700	
Gaji belum bayar	12,300	
Utiliti belum bayar	2,600	
Peruntukan ganti rugi	280,000	395,000
Liabiliti bukan semasa:		
Nota belum bayar 12%		180,000

Nota:

Peruntukan ganti rugi diiktiraf sebagai liabiliti kerana pernyataan peguam bela menunjukkan bahawa amaun itu perlu dibayar,

(c) (i) Kesan perubahan atas aset, liabiliti dan ekuiti:

1. Aset akan bertambah sebanyak RM500,000 dan ekuiti pemilik juga bertambah sebanyak RM500,000. Tiada kesan atas liabiliti.
2. Aset akan bertambah sebanyak RM500,000 dan liabiliti akan bertambah sebanyak RM500,000. Tiada kesan atas ekuiti pemilik.

(ii) Hitung kedudukan kewangan:

1. Kedudukan kewangan jika pembiayaannya adalah dengan pinjaman
 $= 1,300,000 + 500,000 - 500,000 = \text{RM}1,300,000$
2. Kedudukan kewangan jika pembiayaan adalah dengan modal tambahan
 $= 1,300,000 + 500,000 = \text{RM}1,800,000$

Kedudukan kewangan merujuk kepada aset bersih, iaitu jumlah aset tolak jumlah liabiliti. Kedudukan kewangan akan bertambah apabila pembiayaan adalah melalui modal tambahan. Ini adalah kerana aset akan bertambah bersamaan dengan jumlah modal tambahan tetapi liabiliti tidak akan berubah.